

**KENYATAAN MEDIA**

21 Mei 2016

**MALAM KILAUAN CAHAYA 2016 MERIAHKAN HUJUNG MINGGU WARGA  
PERLIS**

Arau, 21 Mei- Lebih 10,000 pengunjung membanjiri perkarangan Istana Arau bagi memeriahkan Malam Kilauan Cahaya 2016 yang berlangsung mulai semalam, di sini.

Keadaan hujan renyai-renyai tidak menghalang pengunjung untuk hadir seawal jam 8 malam pada hari pertama bagi menyaksikan persembahan kebudayaan dekorasi lampu pelbagai warna, lawatan ke Galeri DiRaja serta pertunjukan bunga api.

Seorang pengunjung Syafawani Shaffi, 25 berkata, program yang diadakan sekali setahun ini memberi peluang kepada rakyat negeri Perlis yang tidak pernah memasuki perkarangan istana untuk berkunjung ke sini.

“Program seperti ini perlu terus diadakan pada masa akan datang untuk memberi peluang kepada masyarakat, remaja serta kanak-kanak untuk melihat sendiri istana dari dekat serta mengetahui sejarah institusi diraja negeri ini.

“Selain itu, program ini yang berlangsung pada hujung minggu turut memberi peluang warga negeri ini dan negeri jiran dapat beriadah di hujung minggu sambil berhibur”, katanya ketika ditemuramah di sini.

Seorang lagi pengunjung Tan Hooi Lang, 52 berkata, ini adalah kali keempat beliau berkunjung ke sini dan tidak kisah walaupun datang dari Jitra yang mengambil masa kira-kira 45 minit perjalanan.

“Jarak yang jauh bukan penghalang untuk saya ke sini bagi mengambil peluang beriadah bersama rakan-rakan serta merakamkan gambar sebagai kenang-kenangan.

“Walaupun cuaca tidak menentu dan hujan pada malam ini, saya dapati ramai pengunjung mengambil peluang ini untuk bersama-sama keluarga

dan rakan taulan sekaligus menunjukkan program ini bermanfaat kepada warga negeri Perlis serta kawasan berhampiran,” katanya.

Malam Kilauan Cahaya 2016 itu adalah program tahunan anjuran Universiti Malaysia Perlis dengan kerjasama Pejabat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis yang diadakan ini bersempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke 73.

Program itu turut dimeriahkan dengan cabutan bertuah, persempahan silapmata, pertunjukan yo-yo serta kasut roda oleh persatuan The Knight Bladerz.

Terdahulu, Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Pua nMuda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil turut mencemar duli beramah mesra dengan pengunjung yang hadir.

Baginda berdua turut berkenan menyaksikan penyerahan dua cek sumbangan kepada Hab Sumber Pendidikan dan Latihan Autisme (A-HEART) diwakili Timbalan Ketua Pustakawan Nizam Azid yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia, Dato' Zulkiply Ramli bernilai RM4380 dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Malaysia, Abdul Halim Omar bernilai RM2400 di program berkenaan.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Nurul Syawaliah Mansor ([nurulsyawaliahmansor@gmail.com](mailto:nurulsyawaliahmansor@gmail.com))**

**Disemak Oleh:**

**Aininulniza Mohd Yusof ([aininulniza@unimap.edu.my](mailto:aininulniza@unimap.edu.my))**

Pegawai Perhubungan Media UniMAP